

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 20  
RUANGAN : NASIONAL

20

## Dakwaan jururawat dianiaya penyelia disiasat

Alor Setar: Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah akan menjalankan siasatan lanjut berhubung dakwaan seorang lelaki bahawa isterinya yang bertugas sebagai jururawat dianiaya oleh penyelia berkaitan pertukaran tempat kerja.

Pengarah Kesihatan Negeri, Dr. Othman Warjo, berkata lelaki itu meluahkan rasa kesal menerusi hantaran video di media sosial TikTok milik akaun @cik\_din86.

"JKN Kedah ingin menyidik beberapa hantaran dalam media sosial TikTok oleh pemilik akaun @cik\_din86 yang meluahkan rasa kesal amat sangat berikutan pertukaran isterinya (seorang jururawat) ke negeri Kedah.

"Dalam hantaran TikToknya, @cik\_din86 turut menamakan seorang pegawai berjawatan penyelia jururawat di JKN Kedah yang terbahit dengan pertukaran berkenaan yang disifatkan sebagai orang yang menganiaya isterinya," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Othman berkata, jabatan itu juga menerima aduan daripada @cik\_din86 melalui Sistem Pengurusan Pengaduan Awam (SISPA) mengenai isu yang sama.

"Dimaklumkan JKN Kedah sedang menjalankan siasatan lanjut berhubung perkara ini.

"Pihak jabatan sentiasa memandang serius setiap aduan dibuat orang awam dan akan menyiasat seterusnya membuat penambahbaikan bagi memastikan perkhidmatan lebih baik disampaikan kepada orang ramai pada masa hadapan," katanya.

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 40  
RUANGAN : LUAR NEGARA

40

MINGGUAN MALAYSIA  
AHAD • 28 MEI 2023

## Luar Negara



PELANCONG Batam sering masuk ke Johor untuk mendapatkan rawatan perubatan di hospital swasta menggunakan perkhidmatan feri. - AFP

Masuk Johor dapatkan rawatan di hospital swasta, kos lebih murah

# Orang Batam suka berubat di Malaysia

**JOHOR BAHRU:** Apabila Jason Grantino mengalami kecederaan *Anterior Cruciate Ligament* (ACL) pada September tahun lalu ketika bermain bola keranjang, satu daripada tindakan yang diambil oleh warga Indonesia itu adalah membeli tiket feri ke Johor.

Sambil menahan kesakitan, Grantino yang menetap di Batam sanggup menaiki kerusi roda dan mengharungi perjalanan selama 90 minit di dalam feri untuk tiba di Stulang Laut, Johor Bahru.

Setelah tiba di Johor, lelaki berusia 32 tahun itu menuju ke hospital swasta, iaitu Hospital Pakar Regency berhampiran Pasir Gudang.

Di hospital itu, Grantino sering melakukan pemeriksaan kesihatan tahunan.

Selepas mendapatkan rawatan yang selanjutnya, Grantino dimaklumkan oleh pakar kesihatan di hospital berkenaan bahawa dia semakin pulih dan boleh bermain bola keranjang semula dalam tempoh beberapa bulan lagi.

“**Saya sanggup tahan sakit dan mengharungi perjalanan menggunakan feri merentas sempadan hanya untuk mendapatkan rawatan perubatan di Johor.**”

JASON GRANTINO

“Saya sanggup tahan sakit dan mengharungi perjalanan menggunakan feri merentas sempadan hanya untuk mendapatkan rawatan perubatan di Johor.

“Semuanya mengenai kepercayaan. Saya percaya dengan keupayaan Hospital Pakar Regency menyebabkan saya ingin membuat pembedahan ACL di sana.

“Beberapa ahli keluarga saya pernah berdepan dengan pengalaman pahit ketika mendapatkan rawatan perubatan di Batam dan disebabkan itu, saya tidak mahu menerima nasib yang sama,” katanya.

Grantino memberitahu, sepuhnya pernah menjalani pembedahan ACL di Batam, namun proses pemulihannya amat perlahan.

Katanya, pengalaman mendapatkan rawatan perubatan di Johor jauh lebih baik dan selepas empat bulan menjalani pembedahan, Grantino sudah mampu berjalan dan bergerak, selain kos rawatan juga lebih murah.

Berikutan kemudahan dan kos yang lebih fleksibel, Johor kini menjadi destinasi pelancongan kesihatan.

### PERMINTAAN MENINGKAT

Grantino merupakan seorang daripada pesakit warga asing yang sanggup datang ke Johor untuk mendapatkan rawatan perubatan sejak pintu sempadan dibuka selepas pandemik Covid-19.

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan CNA, kebanyakan pelancong asing masuk ke Johor untuk mendapatkan rawatan perubatan ortopedik, obstetrik dan ginekologi, rawatan kesuburan persenyawaan in-vitro (IVF) dan kanser.

### KOS LEBIH MURAH

Grantino memaklumkan, dia membayar kira-kira RM30,000 untuk menjalani pembedahan ACL dan rawatan susulan.

Katanya, dia perlu membayar sekitar S\$20,000 (RM68,149) jika melakukan prosedur yang sama di Singapura dan 130 juta rupiah (RM39,853) di Batam.

Bagi seorang wanita Singapura, Norfadzilla Rahmat yang kini hamil empat bulan menyatakan dia mendapat pemeriksaan kehamilan di Hospital Columbia Asia Tebrau.

Dengan jarak pemanduan 10 minit dari Woodlands, hospital tersebut menjadi pilihan terbaik untuk dia melakukan pemeriksaan mengandung.

“Setengah hospital swasta di Singapura mengenakan ba-

nyaran yang amat mahal bagi pemeriksaan yang sama, jadi saya rasa saya sudah membuat pilihan yang terbaik.

“Setakat ini, saya tidak berdepan dengan pengalaman buruk ketika melakukan pemeriksaan mengandung di hospital di Johor, semuanya selesa dan cekap,” ujarnya.

Bagaimanapun, Norfadzilla tetap akan melahirkan anaknya di Singapura bagi memudahkan urusan dokumentasi dan keluarga mengunjunginya.

### PELANCONG BATAM PALING BANYAK

Sementara itu, Timbalan Pengarah Pelancongan Johor, Dr. Mohd. Azlan Abdul Jalil pada Mac lalu menyatakan negeri ini menasarkankan untuk membawa masuk sekurang-kurangnya 100,000 pelancong kesihatan pada tahun ini.

Katanya, pada tahun lalu, lebih 141,000 pelancong dari Batam dan Tanjung Balai di Indonesia masuk ke Johor melalui Terminal Feri Antarabangsa Puteri Harbour. - AGENSI

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : NEGARA

## Kes keganasan rumah tangga masih tinggi



ZALIHA

**PUTRAJAYA** – Keganasan rumah tangga mendominasi kes yang direkodkan di One Stop Crisis Center (OSCC) Hospital Putrajaya walaupun terdapat trend penurunan pada tahun 2020 dan 2021.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, berdasarkan data rujukan kes OSCC dari 2018 hingga tahun lalu, penurunan pada 2020 dan 2021 berlaku

berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang pandemik Covid-19.

Jelasnya, sebanyak 290 kes OSCC telah dirujuk ke Hospital Putrajaya pada tahun 2018, manakala sebanyak 418 kes direkodkan pada 2019 diikuti 336 kes (2020), 268 kes (2021) dan 300 kes pada tahun lalu.

"OSCC ini merupakan salah satu skop perkhidmatan penting

yang terdapat di Jabatan Kecemasan dan Trauma di semua hospital kerajaan.

"Tujuan utama perkhidmatan ini adalah untuk membantu dan merawat mangsa yang terlibat dalam kes keganasan rumah tangga, rogol, liwat, keganasan seksual serta penderaan kanak-kanak," katanya kepada pemberita selepas acara OSCC Fun Run 2023 anjuran Jabatan Kecemasan

dan Trauma, Hospital Putrajaya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Zaliha berkata, penganjuran acara sedemikian bertujuan memberi kesedaran kepada anggota masyarakat di luar sana yang berhadapan dengan pelbagai masalah sosial.

Katanya, perkhidmatan yang terdapat di OSCC di semua hospital kerajaan ketika ini kurang diketahui umum.